

Rabu – 25 November 2020

Halaman : 4

4 **UTUSAN MALAYSIA**  
RABU • 25 NOVEMBER 2020  
**Dalam Negeri**

## 'Sehingga titisan darah terakhir di dalam tugas'

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**PADANG BESAR:** "Mendiang Kopral Baharuddin Ramli, 54, seorang cukup berani dan komited dengan tugas malah sehingga titisan darah terakhir, dia masih di dalam tugas."

Demikian luah sahabat Baharuddin, Kopral Judin Awi, 42, daripada Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA) mengenai sikap dan peribadi mangsa yang begitu komited dengan tugas demi menjaga keselamatan negara tercinta.

Persahabatan yang terjalin antara Judin dan Baharuddin sudah lebih 15 tahun memandangkan mereka daripada batalion sama.

Sepanjang dia mengenali Baharuddin, sahabatnya itu tidak pernah mengeluh atau mengadu penat demi tugas untuk negara.

"Mendiang yang saya kenal cukup peramah dan rajin ketika bertugas. Apa sahaja arahan daripada pihak atasan, dia tidak pernah bantah.

"Kadangkala siang malam dia berjaga ketika melakukan tugas mencegah jenayah rentas sempadan ini. Sehingga ke akhir nyawa, Baharuddin masih di dalam tugas," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2.30 pagi itu, Baharuddin terkorban terkena tembakan di bahagian perut manakala se-




**BAHARUDDIN RAMLI**

orang lagi rakannya, Kopral Norihan Tari, 39, cedera parah dan kini menerima rawatan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di Kangar.

Malah, keberanian dua anggota tersebut yang tidak berundur dalam berdepan 13 penyeludup sangat membanggakan.

Tambah Judin, kelmarin adalah kali terakhir dia bertemu dengan mendiang dan tidak ada sebarang tanda-tanda yang ditunjukkan mangsa dia akan meninggalkan mereka buat selama-lamanya.

"Kami bertugas di sini sejak tiga minggu lalu dengan keluarga kami tinggal di Kem Batalion 3 PGA di Bidor, Perak. Pemergian Baharuddin cukup dirasakan," katanya.



**MAYAT** mendiang Kopral Baharuddin Ramli dibawa keluar dari bilik mayat Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, semalam.